

UNTUK SIARAN SEGERA

Perbandaran Ara Damansara Sime Darby Property Terus Gemilang dengan Kadar Pengambilan Cemerlang TRiARA Residences

- Para pembeli tidak teragak-agak untuk menjadikan Ara Damansara sebagai residensi baru mereka, dengan penempahan 216 unit Fasa 1 pembangunan kediaman bertingkat tinggi yang terakhir di perbandaran ini;
- Dijangka untuk siap dalam tempoh lima tahun, pembangunan mesra alam ini menempatkan 450 buah rumah bersaiz di antara 1,216 kaki persegi dan 1,808 kaki persegi.

ARA DAMANSARA, 17 OKTOBER 2023 – Sime Darby Property Berhad (“Sime Darby Property” atau “Syarikat”) mengumumkan kejayaan TRiARA Residences, pembangunan kediaman bertingkat tinggi yang terakhir di perbandaran terkemuka Ara Damansara. Pencapaian ini membuktikan permintaan kukuh untuk kediaman di Ara Damansara dan kepercayaan terhadap jenama Sime Darby Property.

Pembeli rumah merebut peluang untuk memiliki kediaman di Ara Damansara dengan 216 daripada 304 unit ditempah sewaktu pelancaran rasmi Fasa 1 – di mana kejayaan ini bersamaan dengan RM225.9 juta jumlah tempahan. Pembangunan mesra alam TRiARA Residences juga menawarkan sebanyak 450 unit yang akan diperkenalkan dalam dua fasa dengan saiz dari 1,216 kaki persegi ke 1,808 kaki persegi, serta harga permulaan daripada RM850,000.

Projek ini merangkumi tiga blok di atas tanah seluas 5.6 ekar dan menawarkan unit-unit yang moden dan bersesuaian untuk penduduk pelbagai generasi. Dikelilingi kawasan landskap yang indah, projek ini dijangka siap menjelang 2028.

Pegawai Pemasaran dan Jualan Sime Darby Property, Datuk Lai Shu Wei berkata prestasi cemerlang TRiARA Residences menggambarkan pemahaman mendalam Syarikat mengenai pasaran perumahan, serta keupayaannya untuk menawarkan rumah dengan reka bentuk praktikal untuk semua peringkat umur, di lokasi yang ideal dan pada harga yang kompetitif.

“Pembeli dan pemilik rumah masa kini berpendapat kukuh mengenai rumah. Sime Darby Property telah berjaya memahami pasaran harta tanah yang kian berkembang dan secara konsisten telah memberikan pelanggan keyakinan termasuk fleksibiliti dalam perancangan ruang untuk disesuaikan dengan pelbagai gaya hidup. Reka bentuk utama TRiARA Residences, digandingkan dengan reka bentuk mampan, menjadikannya rumah idaman yang ideal,” kata Datuk Lai.

Daya tarikan TRiARA Residences terletak pada konsep kehidupan mesra alamnya yang menampilkan kehijauan, taman kerja bersama, tempat letak kenderaan elektrik (*electric vehicles*) dan *bioswales* untuk pengurusan air ribut. Pembangunan ini menitikberatkan aspek keselamatan dengan penawaran sekuriti 24 jam dan tempat turun peribadi untuk setiap blok.

TRiARA Residences telah memperoleh Sijil GreenRE Gold Rating (Provisional) yang membolehkan pembeli mendapat akses kepada pembiayaan hijau yang ditawarkan oleh pelbagai bank pada kadar yang kompetitif.

Terletak secara strategik berhampiran lebuh raya dan kemudahan utama termasuk CITTA Mall, Paradigm Mall, Ara Damansara Medical Centre, dan Lotus's Hypermarket, TRiARA Residences menawarkan akses kepada tiga lebuh raya utama iaitu Lebuhraya Damansara-Puchong ("LDP"), Lebuhraya Baru Lembah Klang ("NKVE"), Lebuhraya Persekutuan serta stesen Light Rapid Transit ("LRT") Ara Damansara dan Lembah Subang. Subang Skypark yang terletak berdekatan akan membolehkan penduduk berjalan-jalan serata Malaysia dengan mudah.

Sime Darby Property berada di landasan yang tepat untuk merubah daripada sebuah pemaju harta tanah *pure-play* kepada sebuah syarikat harta tanah menjelang 2025, dengan tumpuan untuk menjadi pemaju utama, pembina komuniti serta pengurus pelaburan dan aset. Dedikasi ini selari dengan Matlamat Syarikat sebagai Pengganda Nilai kepada Masyarakat, Perniagaan, Ekonomi dan Planet.

Untuk maklumat lanjut, sila layari www.triararesidences.com atau berkunjung ke Galeri Jualan Ara Damansara untuk melihat unit pameran dan memiliki rumah idaman anda hari ini.

-TAMAT SIARAN-

Mengenai Sime Darby Property Berhad

Sime Darby Property adalah pemaju harta tanah terkemuka dengan reputasi cemerlang dalam membangunkan komuniti lestari selama 50 tahun. Syarikat mempunyai 24 perbandaran dan pembangunan yang aktif, serta jangkauan yang luas merangkumi aset dan operasi di seluruh negara. Sime Darby Property juga mempunyai operasi di UK melalui penglibatannya dalam konsortium Malaysia dalam projek pembangunan Battersea Power Station di London.

Sebagai syarikat yang bertanggungjawab, Sime Darby Property, bersama Yayasan Sime Darby (YSD) secara aktif melancarkan pelbagai program untuk membantu pihak berkepentingan yang memerlukan di kawasan perbandarannya di seluruh negara. Sebagai syarikat harta tanah yang cemerlang di peringkat antarabangsa dan tempatan, Sime Darby Property diiktiraf sebagai konstituen MSCI ACWI Small Cap Index bertaraf MSCI ESG BBB, dan dinilai oleh Carbon Disclosure Project.

Sime Darby Property berbangga dikenali sebagai pemenang pelbagai anugerah dalam industri harta tanah. Pada tahun 2021, Syarikat terus diiktiraf sebagai pemaju harta tanah terkemuka untuk kali kesepuluh berturut-turut dalam anugerah 'The Edge Malaysia's Top Property Developers Awards'. Sime Darby Property juga telah dinobat sebagai 'EdgeProp Malaysia's Responsible Developer: Building Sustainable Development Award 2021', serta pemenang bagi anugerah 'Building Trust Awards 2021' PwC di bawah kategori indeks FBM Mid 70.

Untuk maklumat lanjut, sila layari www.simedarbyproperty.com

Kontak Media: Adela Megan Willy | +6017-604 5562 | adela.megan@simedarbyproperty.com

Untuk pertanyaan lanjut, sila emel: group.communications@simedarbyproperty.com